

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN CUTI BELAJAR PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI BAGI SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

JENIS CUTI BELAJAR	KRITERIA DAN SYARAT PROGRAM FARMASI				
	1. Tempoh Perkhidmatan	2. Tempat Pengajian		3. Kriteria Untuk Pertimbangan Pelanjutan Cuti Belajar	4. Jenis Kursus Bagi Permohonan Cuti Belajar
CBSG TANPA HLP / CBTG TANPA HLP	Sekurang-kurangnya enam (6) tahun perkhidmatan dari tarikh lantikan	IPTA/IPTS (dalam negara) IPT (luar negara)	Bagi kursus Ijazah Sarjana Muda Farmasi, hanya IPT yang menawarkan Ijazah Pertama yang diiktiraf oleh BLFM layak dipertimbangkan	Maksimum 6 bulan *Tertakluk kepada kelulusan Ketua Program berdasarkan justifikasi yang dikemukakan semasa permohonan lanjutan.	<ul style="list-style-type: none"> Hanya kursus yang tersenarai yang telah ditetapkan oleh Program Farmasi sahaja layak dipertimbangkan. Bidang yang dimohon adalah berkaitan dan bersesuaian dengan tugas serta penempatan atau pengalaman bekerja Pegawai.

JENIS CUTI BELAJAR	KRITERIA DAN SYARAT PROGRAM FARMASI		
	5. Penangguhan Sebelum Atau Semasa Tempoh Cuti Belajar	6. Pertukaran Kursus	7. Rayuan Pelanjutan Pengajian Selepas Pelanjutan Kali Pertama Diluluskan (Dalam tempoh enam (6) bulan atau bergantung kepada penilaian rayuan)
CBSG TANPA HLP / CBTG TANPA HLP	Penangguhan adalah TIDAK DIBENARKAN	TIDAK DIBENARKAN	TIDAK DIBENARKAN

Arahan:

1. Calon-calon adalah diingatkan supaya mematuhi peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Program Farmasi (Syarat-Syarat JPA adalah seperti di lampiran)
2. Kesilapan mengisi borang permohonan dan borang permohonan yang tidak lengkap akan mengakibatkan permohonan cuti belajar ditolak.
3. Pegawai yang dipertimbangkan untuk memohon cuti belajar perlu mengambil kira kepentingan perkhidmatan di fasiliti masing-masing dan hala tuju Program Perkhidmatan Farmasi.
4. Permohonan cuti belajar yang diperakukan oleh Ketua Jabatan perlu menepati semua syarat-syarat di atas yang melayakkan pegawai memohon cuti belajar.
5. Permohonan cuti belajar perlu dimaklumkan kepada Program Perkhidmatan Farmasi (salinan kelulusan borang cuti belajar oleh Ketua Jabatan perlu dikemukakan kepada Program Farmasi).